

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA

TARIKH: 11 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 27

Lif baharu PPR Lembah Subang 1 rosak akibat perbuatan khianat

PETALING JAYA 10 Sept. - Hasrat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam membina semula lif baharu di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1, di sini terbantut apabila kemudahan itu dirosakkan pihak tidak bertanggungjawab.

Difahamkan, kejadian yang berlaku dua minggu lalu itu dilakukan dengan niat menggagalkan usaha KPKT dalam menyalurkan bantuan demi ke-selesaian penduduk perumahan tersebut.

Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Kesejahteraan Lembah Subang (JPKLS), Abu Taib Wirid berkata, perkara itu sangat dikesali dan tidak sepatutnya berlaku di saat penghuni amat memerlukan kemudahan itu pada masa sekarang.

"Penghuni sudah lama sengsara memandangkan lif yang lama gagal berfungsi dan sering rosak. Kita sepatutnya bersyukur kerana KPKT sudi menyalurkan bantuan ini meskipun dinafikan pihak pengurusan kerajaan negeri Selangor.

Penghuni sudah lama sengsara memandangkan lif yang lama gagal berfungsi dan sering rosak. Kita sepatutnya bersyukur kerana KPKT sudi menyalurkan bantuan ini meskipun dinafikan pihak pengurusan kerajaan negeri Selangor.

ABU TAIB WIRID
Ahli JPKLS

"Disebabkan dua tiga orang melakukan perbuatan khianat, semua penduduk teraniaya. Saya harap berilah kerjasama untuk kita sama-sama menikmati kemudahan ini," katanya ketika ditemui di PPR Lembah Subang 1 baru-baru ini.

Sebanyak RM17 juta disalurkan untuk projek pembinaan semula 23 lif baharu di lapan blok

PPR Lembah Subang 1 yang bermula pada April lalu dan dijangka siap Oktober tahun depan.

Tambah Abu Taib, beliau meminta penduduk berjiwa besar dalam menerima apa jua peruntukan yang disalurkan mana-mana pihak dalam menyelenggara kemudahan di kawasan tersebut demi ke-selesaian masing-masing.

Sementara itu, seorang penduduk, S. Padmanagan, 47, berkata, kerajaan negeri Selangor perlu berjiwa rakyat dan tidak meracuni pemikiran penghuni serta menghasut mereka untuk menghalang segala usaha KPKT di kawasan berkenaan.

"Jangan ada unsur-unsur sabotaj sebaliknya berilah kerjasama sepenuhnya. Cukup-cukuplah dera kami akibat tindakan mereka yang gagal menjalankan tugas menguruskan kawasan ini dengan baik," katanya.

PPR Lembah Subang 1 yang menempatkan sebanyak 3,004 unit di dapati tidak terurus dan dibelenggu pelbagai masalah akibat kegagalan kerajaan negeri Selangor menguruskan perumahan itu selepas mengambil alih pada 2008.



TIMBALAN Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, Dr. Mary Wong Lai Lin (tengah) mendengar keluhan penduduk mengenai masalah lif di PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya, baru-baru ini. - UTUSAN MALAYSIA/NASIRRUDDIN YAZID